



Bahagian	Maksud	Contoh
Syirik khafi (Tersembunyi)	Melakukan sesuatu amalan bukan bertujuan kerana Allah SWT.	• Riak, iaitu menunjuk-nunjuk amalan kebaikan dan mengharapkan pujian manusia. • Ujub, iaitu mengagumi diri sendiri dengan amalan yang dilakukan. • Takbur, iaitu sombong dengan kelebihan duniawi yang dilakukan.
Syirik jali (Terang dan nyata)	Menyekutukan Allah SWT dengan sesuatu pada zat, sifat dan perbuatan.	• Iktikad yang meragui atau menafikan kewujudan Allah SWT seperti fahaman komunis dan ateis. • Lidah/ perkataan yang boleh menyebabkan terbatal syahadah seperti: – Menghalalkan perkara haram. – Mengaku keluar daripada agama Islam. • Perbuatan serta amalan tertentu seperti: – Menyembah patung dan berhala. – Menyembah bulan atau matahari. – Memuja nasib. – Mempercayai sesuatu objek mempunyai keramat tertentu seperti batu atau pokok. – Meminta nombor ekor di kubur tertentu atas dakwaan kubur itu keramat. – Mengaku Nabi Isa sebagai anak tuhan.